

RANCANGAN AKTIVITI TAHUNAN (MODUL) UNIT BERUNIFORM PANDU PUTERI
TUNAS

BILANGAN PERJUMPAAN / TARIKH	TAJUK AKTIVITI / PROGRAM	OBJEKTIF	PELAKSANAAN AKTIVITI	ALAT/ BAHAN / CATATAN
1	Mesyuarat Agung	Pada akhir perjumpaan, murid-murid dapat: 1. Mengenali guru penasihat serta AJK. 2. Mendaftarkan diri. 3. Pelantikan AJK baharu. 4. Mengetahui kadar yuran pasukan tahun ini.	1. Pendaftaran semula ahli pandu puteri tunas sedia ada. 2. Pendaftaran ahli baharu. 3. Memperkenalkan guru penasihat dan AJK kepada semua ahli. 4. Pelantikan AJK baharu. 4. Menerangkan kadar yuran seperti yang dipersetujui dalam mesyuarat agung tahun lalu. 6. Menerangkan tentang jadual perjumpaan mingguan pandu puteri tunas yang mesti dipatuhi oleh setiap ahli iaitu hari, tarikh dan masa perjumpaan. 7. Murid-murid diminta menyediakan buku log.	1. Borang keahlian. 2. Buku rekod kehadiran kokurikulum. 3. Buku Panduan Asas Pandu Puteri Tunas
2	Tujuan penubuhan, sejarah Penyediaan buku log (biodata, mewarna lencana pandu puteri tunas, pakaian seragam dan lambang	Pada akhir aktiviti kokurikulum, murid-murid dapat :- 1. Menghuraikan rasional dan matlamat penubuhan Pandu Puteri Tunas.	1. Menerangkan kepada murid-murid tentang rasional dan matlamat penubuhan Pandu Puteri. 2. Menjelaskan kepada mereka tentang pengasas Pandu Puteri dan sejarah penubuhannya.	1. Buku rekod kehadiran kokurikulum murid. 2. Buku log kokurikulum. 3. Buku log PP Tunas (murid).

	kumpulan berenam sendiri) Pengenalan kepada pakaian Pandu Puteri Tunas : 1. <i>Kemeja hijau ber lengan panjang</i> 2. <i>Seluar panjang biru tua</i> 3. <i>Skaf (berwarna coklat)</i> 4. <i>Lambang kumpulan</i> 5. <i>Lambang Negeri</i> 6. <i>Woggle</i> 7. <i>Lencana dunia</i> 8. <i>'Shoulder Flashes'</i> 9. <i>Stoking hitam</i> 10. <i>Kasut hitam</i> 11. <i>Tudung hitam</i> 	2. Menceritakan tentang pengasas Pandu Puteri Tunas dan sejarah penubuhannya. 3. Menerangkan tentang makna logo, bendera dan lambang kumpulan berenam Pandu Puteri. 4. Menerangkan tentang Pakaian Pandu Puteri Tunas.	3. Menerangkan kepada mereka tentang logo, bendera dan lambang PP Tunas. 4. Menjelaskan kepada murid-murid tentang ciri-ciri pakaian PP Tunas dengan terperinci. 5. Menerangkan kepada murid tentang etika pemakaian pakaian Pandu Puteri Tunas yang betul.	
--	---	--	---	--

3	Pembahagian kumpulan berenam - <i>pelantikan ketua kumpulan dan penolong.</i> Pengenalan lagu Dunia	Pada akhir aktiviti kokurikulum, murid-murid dapat :- 1. Mengetahui tentang kumpulan berenam (<i>Melur, Siantan, Teratai, Kesidang, Cempaka, Kenanga</i>) 2. Menghafal senikata lagu Dunia.	1. Membahagi murid - murid baharu kepada kumpulan berenam. 2. Murid - murid melantik ketua kumpulan dan penolong yang baharu. 3. Guru memberi penerangan tentang senikata lagu Dunia. 4. Memperdengarkan lagu Dunia kepada ahli PP Tunas. 5. Murid - murid menyalin senikata lagu Dunia dan menyanyikannya.	Buku log Senikata Lagu Dunia Speaker
4	Pra-Persetiaan Persahabatan Pandu Puteri Tunas - <i>Persetiaan, Undang-undang, Cogan Kata, Isyarat, Hormat, Berjabat Tangan, Senyuman dan Khidmat.</i> Ikrar Persetiaan Pandu Puteri Tunas	Pada akhir aktiviti kokurikulum, murid-murid dapat : 1. Mengenali kawan - kawan yang berada di dalam kumpulan masing - masing. 2. Mengetahui, menghayati dan mengamalkan persetiaan. 3. Menghafal ikrar persetiaan.	1. Murid - murid duduk di dalam kumpulan masing - masing dan mengadakan sesi berkenalan sesama ahli. 2. Menerangkan tentang persetiaan, undang - undang, cogan kata, isyarat, hormat berjabat tangan, senyuman dan khidmat kepada ahli. 3. Menyalin ikrar Persetiaan PP Tunas. 4. Melafazkan ikrar persetiaan.	Buku log Rujuk buku Panduan Asas Pandu Puteri Tunas

5	Kawad kaki statik	Pada akhir aktiviti perjumpaan kokurikulum hari ini, murid-murid dapat : 1. Melakukan pergerakan kawad statik. 2. Menerima arahan kawad daripada ketua platun 3. Menghafal dan mengingati semua arahan kawad.	1. Murid-murid berlatih kawad statik kaki seperti :- - Membentuk satu pasukan kawad yang terdiri daripada 3 barisan lurus - Arahan „sedia, rehatkan diri dan senang diri” - Hentak kaki - Melangkah ke hadapan dan ke belakang - Meluruskan barisan - Buka / tutup barisan - Berpusing ke kiri, ke kanan dan ke belakang - Pandang ke kiri dan kanan - 3 barisan dijadikan 1 - Bersurai keluar baris 2. Latihan ini dilakukan berulang kali sehingga murid-murid dapat menguasai semua pergerakan kawad dengan baik.	1. Buku rekod kehadiran kokurikulum murid. 2. Buku log kokurikulum. 3. Buku nota/log murid. 4. Aktiviti kawad di kawasan lapang
6	Kawad kaki (berjalan)	Pada akhir aktiviti perjumpaan kokurikulum hari ini, murid-murid dapat 1. Melakukan pergerakan kawad (bergerak / berjalan). 2. Boleh melaksanakan semua pergerakan kawad secara spontan apabila diarahkan oleh ketua platun. 3. Menghafal dan mengingati semua arahan kawad.	1. Murid-murid berlatih melakukan pergerakan-pergerakan kawad kaki seperti :- - Berjalan dan berhenti - Mulakan dengan kaki kanan/ kiri - Melakukan tabik hormat ketika berjalan - Membelok ke kiri/kanan - Tukar langkah cepat dan perlahan - Memanjang dan memendekkan langkah semasa berjalan	1. Buku rekod kehadiran kokurikulum murid. 2. Buku log kokurikulum. 3. Buku nota/log murid. 4. Aktiviti kawad di kawasan lapang

			- Hormat ke kanan/kiri semasa berjalan - Berjalan cepat/lambat - Buka/tutup barisan semasa berjalan cepat/ perlahan - Tukar haluan 2. Latihan dilakukan berulang kali sehingga murid-murid dapat menguasai pergerakan dengan baik.	
7	Ikatan dan simpulan	Pada akhir perjumpaan kokurikulum, murid-murid dapat : 1. Menyenaraikan nama-nama ikatan/simpulan. 2. Menghasilkan ikatan/simpulan mereka sendiri. 3. Menyebut fungsi-fungsi setiap ikatan/simpulan. 4. Menyatakan cara untuk menyimpan dan menjaga tali agar tahan lama dan boleh digunakan semula.	1. Murid-murid diajar melakukan simpulan dan ikatan asas iaitu buku sila, bunga geti, tindih kasih, simpulan pengail, Ikatan manuk, simpul belit, ikatan balak, ikatan seraya, Ikatan serong, ikatan silang gunting dan mengemaskan tali untuk penyimpanan. 2. Murid-murid juga diajar menghasilkan simpulan/ikatan pemancing dan simpulan/ ikatan pendaki. 3. Murid-murid turut dijelaskan tentang jenis-jenis dan fungsi tali serta ketahanan setiap jenis tali tersebut.	1. Buku rekod kehadiran kokurikulum murid. 2. Buku log kokurikulum. 3. Buku nota murid. 4. Tali yang sesuai untuk aktiviti ikatan/ simpulan. 5. Gambar ikatan/ simpulan.
9	Pertolongan Cemas	Pada akhir aktiviti perjumpaan kokurikulum, murid-murid dapat : 1. Mengamalkan prinsip-prinsip asas pertolongan cemas. 2. Melakukan tindakan sewajarnya jika berlaku kecederaan dan musibah lain.	1. Murid-murid diterangkan tentang prinsip dan amalan iaitu perkara-perkara yang menjadi asas serta apa yang patut dilakukan apabila berlaku kecemasan. 2. Murid-murid juga diajar cara-cara untuk membebat dan membalut luka.	1. Buku rekod kehadiran kokurikulum murid. 2. Buku log kokurikulum. 3. Buku nota murid. 4. Gambar-gambar yang berkaitan. 5. Kit pertolongan cemas. 6. Patung/model.

			3. Mereka turut ditunjukkan bagaimana hendak mengusung dan mengangkut pesakit yang tidak boleh bergerak sendiri dengan menekankan kepada kaedah mengangkat dan membawa. 4. Murid-murid turut diajar bagaimana membantu seseorang yang mengalami masalah - Pernafasan dan afiksia seperti asthma, penat atau tercekik. - Kecederaan terbakar : - Termakan/tertelan racun - Dipatuk, disengat atau digigit binatang berbisa - Pendarahan serius - Patah/terseliuh 5. Membuat anduh untuk tangan terseliuh/patah.	
10	Aktiviti rumah tangga – memasak / menghias makanan <i>Cadangan :- Murtabak maggi, roti, sosej (hiasan – cili, tomato, timun, sos, mayonis, bawang besar)</i>	Pada akhir perjumpaan kokurikulum, murid-murid dapat : 1. Memperlihatkan kerjasama antara ahli kumpulan dalam penyediaan aktiviti memasak.	1. Murid-murid berbincang di dalam kumpulan masing - masing tentang masakan yang akan disediakan. 2. Murid menyalin langkah - langkah penyediaan masakan di dalam buku log. 3. Murid bekerjasama menyediakan masakan bersama ahli kumpulan. 4. Murid melakukan persembahan hasil masakan yang telah siap.	1. Buku rekod kehadiran kokurikulum murid. 2. Buku log kokurikulum. 3. Buku log 4. Peralatan masakan 5. Bahan - bahan masakan

11	Kemahiran Rumah Tangga - Menjahit – <i>jelujur/lilit ubi</i> - Menjahit butang lubang 2, butang lubang 4 - Menghasilkan batu seremban	Pada akhir perjumpaan kokurikulum, murid-murid dapat : 1. Mengetahui asas - asas jahitan. 2. Menghasilkan batu seremban yang dijahit.	1. Murid-murid dikehendaki membawa alatan jahitan sendiri. 2. Murid - murid diberi penerangan tentang jenis -jenis jahitan. 3. Murid menampal nota tentang jenis - jenis jahitan di dalam buku log. 4. Murid perlu menghasilkan batu seremban menggunakan asas jahitan yang telah dipelajari.	1. Buku rekod kehadiran kokurikulum murid. 2. Buku log kokurikulum. 3. Gambar jenis - jenis jahitan. 4. Buku log 5. Alatan jahitan
12	PERKHEMAHAN UNIT BERUNIFORM	Melahirkan murid-murid yang berdedikasi dan bermotivasi tinggi. Membentuk disiplin diri. Patuh kepada semua peraturan yang merangkumi kehidupan kita sehari-hari. Dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat dan bertukar-tukar pendapat. Sentiasa peka kepada perubahan masa dan persekitaran yang positif, berfaedah dan menguntungkan. Menghindarkan diri dari gejala yang merosakkan dengan melakukan aktiviti yang berfaedah. Memberi kesedaran kepada murid-murid tentang penerapan nilai-nilai murni.	1. Mendirikan khemah 2. Latihan kecemasan 3. Merintis 4. Memasak 5. Mengikut jejak	Peralatan perkhemahan

		Menanam semangat rasa cinta kepada agama, bangsa dan negara. Sentiasa mengamalkan sifat tanggungjawab dan bersatu padu dalam membentuk kumpulan yang teguh.		
--	--	---	--	--